

Rawatan pergigian

Rapatkan mahasiswa USIM dengan masyarakat setempat

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

PERGAULAN dan hubungan erat antara mahasiswa dengan masyarakat bukan hanya terhad menerusi penganjuran aktiviti kokurikulum semata-mata, sebaliknya pertalian sedemikian mampu dilaksanakan menerusi proses pengajaran dan pembelajaran.

Pendekatan itu diambil mahasiswa tahun empat,

Bachelor Pembedahan Pergigian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memanfaatkan penubuhan Unit Perkhidmatan Pergigian untuk mendekatkan diri dengan masyarakat, selain memenuhi keperluan pembelajaran dan latihan klinikal.

Unit yang diwujudkan di kampus USIM di Pandan Indah itu menawarkan khidmat rawatan pergigian kepada penduduk setempat. Jadual rawatan setiap

“Rutin tugas di Unit Perkhidmatan Pergigian mendedahkan kami aspek sains tingkah laku mencakupi keseluruhan kurikulum”

Nisreen Nordin
Mahasiswa Bacelor
Pembedahan Pergigian,
USIM

MAHASISWA jurusan pembedahan pergigian USIM merawat pesakit di Unit Perkhidmatan Pergigian, Kampus USIM, Pandan Indah.

Selasa, Rabu dan Khamis. Mahasiswa memulakan tugas klinikal di Unit Perkhidmatan Pergigian dengan dipantau penyelia masing-masing.

Bermula jam 9 pagi, pelajar merawat pesakit, selain menawarkan khid-

mat perundingan berkaitan kesihatan gigi.

Seorang mahasiswa, Mohamad Hafizi Mat Isa, berkata pengalaman menjalani latihan klinikal di unit berkenaan memberi gambaran dan realiti sebenar tugas sebagai doktor gigi.

Selain membantu meningkatkan penguasaan kemahiran, katanya, latihan itu mempersiapkan mahasiswa menghadapi cabaran bergelar pengamal pergigian sebaik menamatkan pengajian.

"Setiap mahasiswa bertugas mengikut giliran. Masing-masing perlu memastikan kehadiran mengikut mengikut jadual.

"Tugas bermula dengan berjumpa pesakit dan mengenal pasti masalah gigi. Antara rawatan termasuk tampalan, *scaling*, *polishing* dan gigi palsu," katanya.

Bagi Nisreen Nordin, uniknya mahasiswa pergigian USIM kerana mereka

berupaya mempraktikkan pengetahuan agama dalam berkongsi panduan atau khidmat rundingan kepada pesakit.

Katanya, amalan itu selari dengan penekanan USIM dalam usahanya melahirkan graduan yang bukan saja mendalami Islam, malah memiliki kemahiran dan pengetahuan bersepadu mengikut program masing-masing.

"Rutin tugas di Unit Perkhidmatan Pergigian mendedahkan kami kepada aspek sains tingkah laku mencakupi keseluruhan kurikulum. Pendekatan memberi tumpuan kepada aspek hubungan antara doktor dengan pesakit serta masyarakat.

"Ini termasuk aspek profesionalisme dan etika profesion pergigian serta pengalaman, selain mempersiapkan diri untuk bergelar doktor gigi Islam berwibawa," katanya.

“Pengalaman menjalani latihan klinikal memberi gambaran dan realiti sebenar tugas sebagai doktor gigi”

**Mohamad
Hafizi Mat Isa**
Mahasiswa Bacelor
Pembedahan Pergigian,
USIM



PENYELIA Unit Perkhidmatan Pergigian USIM memberi taklimat sebelum membenarkan pelajar memulakan tugas klinikal.

